

11 JAN 1999

Anwar-Abdullah

ANWAR SAMBUT BAIK PELANTIKAN ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini menyambut baik pelantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Perdana Menteri (TPM).

Dalam kenyataannya yang dibacakan kepada pemberita oleh isterinya Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, Anwar bagaimanapun berkata kewibawaan Abdullah akan dipertikaikan sekiranya beliau "sentiasa merujuk dan patuh" kepada arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pelantikan Abdullah berkuatkuasa hari ini.

Dalam rombakan kabinet yang diumumkan Dr Mahathir Jumaat lepas, Abdullah turut diberi portfolio Menteri Dalam Negeri yang sebelum ini disandang oleh Perdana Menteri.

Anwar berkata rakyat menunggu pendirian Abdullah berhubung apa yang beliau (Anwar) dakwa sebagai "pembaziran dan projek mega, rasuah dan penggunaan khazanah negara untuk keluarga dan kroni."

Anwar sedang menghadapi perbicaraan terhadap empat pertuduhan rasuah dengan menyalahgunakan kuasanya untuk campur tangan dalam siasatan polis terhadap dakwaan salah laku seksual terhadapnya.

Anwar, 51, yang dipecat dari jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada 2 Sept, ditahan pada 20 Sept.

Anwar juga berkata keputusan Dr Mahathir melepaskan jawatannya sebagai Menteri Dalam Negeri (MDN) adalah wajar.

Sebaliknya keputusan melantik Tun Daim Zainuddin sebagai Menteri Kewangan adalah mengejutkan, katanya. Tun Daim masih mengekalkan jawatan Menteri Tugas-tugas Khas.

Anwar juga mendakwa keputusan Dr Mahathir sebagai Presiden UMNO menangguhkan pemilihan parti membuktikan bahawa beliau kurang yakin dengan tahap sokongan UMNO di peringkat akar umbi.

-- BERNAMA

KLS NMO